

SOALAN NO: 489

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan untuk memastikan keselamatan di tapak kerja. Senaraikan jumlah kematian & kecederaan mengikut kewarganegaraan untuk tiga tahun yang lalu.

PR-1343-T75664

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) adalah komited dalam usaha-usaha untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca

daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor termasuklah sektor pembinaan.

2. Di sektor pembinaan, berlakunya perubahan-perubahan yang memberi kesan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu:

- i. Peningkatan bilangan tapak bina di seluruh Malaysia. Pada tahun 2013, bilangan tapak bina yang beroperasi adalah sebanyak 11,233 dan pada tahun 2015 bilangan ini meningkat 46% iaitu sebanyak 16,383 tapak bina;
- ii. Pada masa ini terdapat banyak tapak bina terletak di kawasan berkepadatan penduduk dan bangunan di bandar-bandar besar yang pesat membangun di seluruh negara. Keadaan ini memberi impak kepada kompleksiti kaedah pembinaan dan juga cabaran kepada pengurusan keselamatan dan kesihatan para pekerja dan orang awam;
- iii. Peningkatan kompleksiti kaedah pembinaan yang berlaku pada masa ini mengakibatkan peningkatan penggunaan jentera-jentera berat seperti kren menara, kren bergerak, kren bergerak berantai dan lain-lain jentera di tapak bina. Keadaan ini meningkatkan lagi risiko di tapak bina;
- iv. Projek-projek pembinaan berskala besar seperti *Mass Rapid Transit* (MRT); Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat;

refinery and petrochemical integrated development project (RAPID) Pengerang Johor mewujudkan pelbagai hazard yang berisiko tinggi yang memerlukan perhatian dan perancangan serta pelaksanaan pengurusan risiko keselamatan dan kesihatan yang lebih rapi;

- v. Bilangan pekerja asing di tapak bina telah bertambah daripada 434,200 pekerja pada tahun 2013 kepada 450,364 pada tahun 2015 menjadikan usaha melatih mereka terhadap setiap aspek keselamatan menjadi semakin mencabar.

3. Perubahan-perubahan di atas telah memberi cabaran kepada pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina. Kerajaan sedar akan keadaan ini dan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a. Penstrukturan semula Jabatan daripada tahun 2008 dengan menubuhkan seksyen khas iaitu Seksyen Tapak Bina di setiap negeri;
- b. Melalui penstrukturan JKKP ibu pejabat pada tahun 2014, satu bahagian khusus iaitu Bahagian Keselamatan Tapak Bina telah diwujudkan untuk mengawalselia; menyelaraskan aktiviti dan standard; penguatkuasaan; dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan di seluruh negara;

- c. Mengadakan Pelan Penguatkuasaan Tapak Bina bermula pada tahun 2015 yang merangkumi perkara-perkara berikut:
- i. Penambahan bilangan aktiviti penguatkuasaan di tapak bina. Bilangan pemeriksaan di sektor pembinaan adalah sebanyak 7,329 pemeriksaan pada tahun 2013. Jumlah ini telah bertambah sebanyak 34% kepada 9,822 pemeriksaan pada tahun 2015.
  - ii. Mengambil tindakan punitif ke atas ketidakpatuhan perundangan KKP di sektor pembinaan. JKPP telah mengeluarkan sebanyak 949 notis pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat secara mendadak sebanyak 554% kepada 6,211 bilangan notis pada tahun 2015. Manakala bagi kes pendakwaan pula meningkat sebanyak 135% pada 55 kes bagi tahun 2013 berbanding 129 kes pada tahun 2015. Manakala bagi kes kompaun pula meningkat sebanyak 754% pada 61 kes bagi tahun 2013 berbanding 521 kes pada tahun 2015. Peningkatan tindakan punitif ini adalah hasil daripada pewujudan Bahagian dan Seksyen Tapak Bina di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri.
  - iii. Menubuhkan *Safety Patrol Unit* di setiap JKPP negeri bagi membuat pemantauan tapak pembinaan pada waktu siang mahupun malam;

- iv. Mengadakan operasi penguatkuasaan mengejut di tapak bina berdasarkan aduan orang awam;
- v. Menggubal dan menyemak semula bagi menambahbaik perundangan berkaitan tapak bina seperti Akta, Peraturan dan Garis Panduan supaya kekal relevan dan sesuai dengan kehendak semasa;
- vi. Menambahbaik senarai semak pemeriksaan tapak bina untuk kegunaan pegawai JKPP menjalankan penguatkuasaan di tapak bina;
- vii. Merancang dan menambahbaik latihan kepada pegawai JKPP bagi Bahagian Keselamatan Tapak Bina dan Seksyen Tapak Bina;
- viii. Menjalinkan kerjasama dan kordinasi di antara agensi-agensi yang berkaitan tapak bina seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- ix. Mengadakan perbincangan dan dialog bersama persatuan industri pembinaan seperti Master Builders Association Malaysia (MBAM);

x. Meningkatkan usahasama dengan pihak majikan dan pekerja melalui Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Biro KKP bagi Tapak Pembinaan) yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dan dianggotai lima belas ahli dan seorang setiausaha. Ahli MNKPP ini terdiri daripada wakil-wakil pihak kerajaan, majikan dan pekerja, badan professional dan pemerhati.

4. Bagi mengatasi masalah-masalah pengurusan KKP di tapak bina, JKKP memberi penekanan terhadap penguatkuasaan dengan memberi fokus terhadap perkara berikut:

- i. Kesedaran dan komitmen majikan terhadap KKP;
- ii. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan;
- iii. Kawalan dan penyeliaan oleh majikan ke atas sub-kontraktor bagi aktiviti yang mempunyai hazard dan risiko yang tinggi.
- iv. Penilaian risiko terhadap hazard-hazard;
- v. Latihan KKP kepada pekerja terutamanya pekerja asing;
- vi. Pemantauan terhadap pelaksanaan Prosedur Kerja Selamat (*Safe Operating Procedure*) oleh majikan.

## **Kematian & Kecelakaan Mengikuti Kewarganegaraan untuk Tiga Tahun**

5. Warganegara dari tiga (3) negara sumber utama iaitu Indonesia, Bangladesh dan Myanmar mencatatkan bilangan kemalangan yang tinggi di sektor pembinaan sepanjang tahun 2013 hingga 2015. Yang paling tinggi adalah warganegara Indonesia iaitu sebanyak 45.8% (384 orang) daripada jumlah keseluruhan kemalangan yang melibatkan pekerja asing (839 orang). Manakala 19.4% pula melibatkan warganegara Bangladesh (163 orang) dan warganegara Myanmar sebanyak 16% (137 orang).

6. Bagi kemalangan maut pula, tiga (3) negara yang sama mencatatkan bilangan kemalangan maut yang tinggi di sektor pembinaan sepanjang tahun 2013 hingga 2015. Yang tertinggi adalah negara Indonesia iaitu sebanyak 52.8% (93 orang) daripada jumlah keseluruhan kemalangan maut yang melibatkan pekerja asing (176 orang). Manakala 21.6% pula melibatkan warganegara Bangladesh (38 orang) dan warganegara Myanmar sebanyak 10.8% (19 orang).

7. Hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh JKKP ke atas tapak bina melihatkan trend kemalangan adalah menurun. Pada tahun 2014 jumlah bilangan kemalangan adalah 316 kes manakala jumlah bilangan kemalangan pada tahun 2015 adalah 280 kes. Ini menunjukkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia yang diusahakan oleh JKKP menghasilkan kesan

yang positif dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina;

8. Sebagai maklumat tambahan, Kementerian Sumber Manusia melalui JKKP juga bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua sektor industri. Pada tahun 2005, sebanyak 51,829 kemalangan industri telah dilaporkan. Analisis menunjukkan berlaku 6.93 kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja dan 5.16 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja. Pada tahun 2015, bilangan kemalangan menurun kepada 38,753 kes. Manakala, kadar kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja pula menurun kepada 4.84 dan kadar kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja menurun kepada 2.81. Daripada statistik kemalangan di atas, menunjukkan juga kadar kemalangan di semua sektor industri menurun seperti mana yang dihasratkan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di semua sektor industri kepada tahap yang lebih baik bagi menjamin keselamatan dan kesihatan para pekerja di negara ini.